

## BAB 4

### PERADABAN ISLAM DALAM PROSES POLITIK TAHUN 1983-1997

#### 4.1 Pendahuluan

Campurtangan ketenteraan di dalam hal ehwal politik Turki ketika rampasan kuasa 11 September 1980 tidak menjadi penghalang kepada kumpulan Islamis untuk meneruskan cita-cita mereka memartabatkan peradaban Islam dalam masyarakat dan pemerintahan. Sekiranya, rampasan kuasa tentera ini telah menumbangkan kumpulan ekstrimis kanan dan kiri, ianya bukan penamat kepada pertumbuhan pertubuhan politik Islam baru kerana masih terdapat ruang bagi individu atau kumpulan Islamis untuk bergiat aktif dalam politik disebabkan beberapa kelonggaran yang terdapat dalam sistem demokrasi di Turki.

Antara tahun 1983-1997, parti politik Islam telah mengambil pendekatan yang lebih terbuka dalam melaksanakan wawasan dan matlamat perjuangan. Pada peringkat ini, Refah Partisi telah muncul sebagai sebuah parti politik yang berpengaruh dalam dunia politik Turki dalam usaha menangani pelbagai kemelut sosial di kalangan masyarakat awam. Refah Partisi telah menggunakan ruang politik dan isu kebijakan secara bijak ketika diberi peluang mentadbir negara, di samping menjadikan pengalaman masa lalu sebagai landasan dan pengajaran dalam merancang strategi pembangunan masyarakat yang lebih berkesan.

## **4.2 Refah Partisi dan Politik Turki**

### **4.2.1 Latarbelakang**

Kebangkitan dan kejatuhan MNP dan MSP telah menyediakan landasan bagi penubuhan Refah dengan kepelbagai dan pembaharuan pendekatan politik. Refah Partisi ditubuhkan pada 19 Julai 1983 setelah politik Islam Turki mengalami beberapa siri pengalaman pahitnya dalam sistem demokrasi di republik sekular itu. Penyertaan Refah mencerminkan kesinambungan politik Islam terus diperjuangkan sebagai satu usaha yang berkesan dalam mencorak masa depan masyarakat Islam Turki dan ummah secara am. Walau bagaimanapun, organisasi Refah Partisi telah diletakkan di bawah kepimpinan Ali Tukmen, yang menggantikan tempat Necmettin Erbakan selaku bekas pemimpin Milli Selamet Partisi (MSP).<sup>1</sup>

Pada peringkat awal, Erbakan tidak terlibat secara langsung dalam pembentukan parti baru ini. Namun, setelah dibenarkan kembali berpolitik, Erbakan telah mengambil alih kepimpinan parti tersebut.<sup>2</sup> Parti Refah ditubuhkan setelah pengumuman untuk diadakan pilihan raya diisyiharkan, berikutan tamatnya rampasan kuasa 1980. Walau bagaimanapun, pemerintah tentera pada masa itu, tidak membenarkan Refah bertanding dalam pilihan raya tersebut.<sup>3</sup> Bermula dengan undian 4.4 peratus dan menguasai 17 majlis perbandaran termasuk dua wilayah, iaitu, Van dan Urfa dalam pilihan raya umum 25 Mac 1984, Refah Partisi berjaya meningkatkan sokongan dan popularitinya setiap kali pilihan raya diadakan iaitu hampir lima kali dalam masa dua belas tahun.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Nilufer Narli, "The Rise of The Islamist Movement in Turkey", *Middle East Review of International Affairs*, Vol. 3, No. 3, September 1999, hlm. 2.

<sup>2</sup> Ibid., hlm 2.

<sup>3</sup> Refah tidak dibenarkan menyertai pilihan raya umum 1983. Lihat Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record: Evaluating Islamist Municipal Activism in Turkey", *Middle East Journal*, Vol. 53, No. 1 Musim Sejuk 1999, hlm. 78.

<sup>4</sup> Haldun Gulalp, "Political Islam in Turkey: The Rise and Fall of the Refah Party", *The Muslim World*, Vol. 89, No. 1, Januari 1999, hlm. 22.

Menjelang tahun 1990-an, parti ini telah mencapai popularitinya sebagai parti yang berpengaruh sehingga mampu mempengaruhi senario politik di Turki. Contohnya, ketika Parti Ibu Pertiwi (ANAP) menerima tampanan hebat di dalam pilihan raya 1989, Refah berjaya menggandakan jumlah undiannya dan memenangi 100 buah majlis perbandaran termasuk beberapa bandar besar seperti Konya, Sivas, Van, Urfa, dan Kahramanmaras. Walaupun begitu, pencapaian Refah di dalam pilihan raya 27 Mac 1994, amat mengejutkan banyak pihak apabila parti ini berjaya menawan 327 majlis perbandaran termasuk Ankara dan Istanbul dan bandar-bandar besar seperti Diyarbakir, Erzurum dan Kayseri.<sup>5</sup> Dengan keputusan tersebut, Refah telah berjaya memenangi 28 daripada 76 wilayah atau 36.8 peratus, sungguhpun parti ini hanya menerima 19 peratus daripada jumlah undi keseluruhan.<sup>6</sup>

Turki mengalami perubahan politik dalaman yang lebih stabil selepas tahun 1980-an ke arah kesatuan bangsa dan ekonomi yang lebih pesat. Menurut Faruk Birtek dan Binnaz Toprak, proses *depolitization* dilancarkan bagi mewujudkan persekitaran masyarakat yang harmoni di samping menimbulkan kesedaran di kalangan generasi muda terhadap identiti bangsa Turki yang bermoral.<sup>7</sup> Idea pemikiran Ummah Islam turut mendapat tempat di kalangan masyarakat bukan sahaja sebagai alat penyatuan bangsa, malah menjadi antara salah satu agenda utama negara di bawah kepimpinan Turgut Ozal.<sup>8</sup> Kesempatan dan peluang yang ada turut digunakan oleh Refah pimpinan Erbakan. Beliau

---

<sup>5</sup> Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record", hlm. 78.

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 78.

<sup>7</sup> Faruk Birtek, Binnaz Toprak, "The Conflictual Agenda of Neo-Liberal Reconstruction and The Rise of Islamic Politics in Turkey: The Hazards of Rewriting Modernity", *Praxis International*, Vol 13, No. 2, Julai 1993, hlm. 195 dipetik daripada Jorgen Chrisrensen-Ernst, *The Background for The Resurge of Islamic Self-Assertion in Turkey*, <http://www.christensen ernst.dk/Background.htm>.

<sup>8</sup> Turgut Ozal merupakan Perdana Menteri Turki 1983 di atas tiket Parti Ibu Pertiwi dan kemudiannya dilantik sebagai Presiden. Sebagai seorang yang dikatakan anggota tarikat Naksibendi, imej dan budaya Islam diberi galakan bagi mencerminkan identiti bangsa Turki berbanding penonjolan identiti bangsa Turki yang ditaja Kemal Ataturk. Kumpulan Islamis dan program-program kelslamatan pada ketika itu dipayungi oleh Kementerian Pelajaran. Lihat Sami Zubaida, "Turkish Islam and National Identity", *Middle East Report*, April-Jun 1996, hlm.11-12. Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey*, (London: Routhledge, 1993), hlm. 219-222.

bukan sahaja menyokong kuat program berbentuk keIslamahan oleh parti-parti politik dan kerajaan yang memerintah Turki, malah turut menyertai aktiviti seumpama itu. Suatu yang menarik dalam sistem politik di Turki, ialah Islam sentiasa menjadi salah satu agenda parti politik yang digerakkan dalam masyarakat.

#### 4.2.2 Milli Gorus dan Refah Partisi

Refah telah mengambil sikap terbuka dan bertolak-ansur dalam melaksanakan wawasan pembangunan politik dan perjuangan parti setelah mengambil pengajaran daripada pengalamannya yang lalu. Pendekatan yang diambil oleh Necmettin Erbakan agak berbeza sedikit berbanding pendekatan yang dilaksanakan ketika memimpin MSP, walaupun dalam beberapa perkara, pendekatan asas masih dikekalkan.<sup>9</sup> Gagasan Milli Gorus masih digunakan sebagai lambang penyertaan kumpulan Islamis dalam politik. Slogan keadilan, kesaksamaan sosial dan kebajikan dalam ekonomi, pendidikan dan pembangunan wanita menjadi semakin popular dan telah meningkatkan imej Refah dari kaca mata umum. Manakala slogan “*Adil Duzen*” atau pemerintahan yang adil turut menjadi sinonim kepada dasar perjuangan Refah.<sup>10</sup> Hal ini dinyatakan sendiri oleh Necmettin Erbakan di dalam konvensyen Refah pada Oktober 1993 yang menjelaskan matlamat sebenar sistem ekonomi adil diwujudkan ialah untuk mencapai keseimbangan pembangunan rohani, pemeliharaan alam sekitar, membanteras rasuah dan korupsi,

---

<sup>9</sup> Menurut Haldun Gulalp, Refah masih mengekalkan pendekatan moral dan akhlak yang diperkenalkan oleh MSP sebagai asas untuk mencapai keadilan dalam ekonomi, di samping meletakkan pendidikan akhlak dan etika sebagai sasaran utama perjuangan. Lihat Haldun Gulalp, “Political Islam in Turkey”, hlm. 26.

<sup>10</sup> Seruan Refah terhadap keadilan ekonomi adalah tertakluk kepada ketetapan Islam yang berbeza dengan sistem konvensional parti sosial demokratik dan komunisme yang lebih menekankan dagangan bebas dan pemilikan pusat sebagai penggerak asas pembangunan ekonomi dengan meminimakan campurtangan kerajaan ke atasnya. Tidak terdapat satupun artikel yang dikeluarkan oleh Refah menerusi program parti yang menolak pemilikan peribadi atau keuntungan. Refah hanya menentang sistem monopolistik kapitalisme. Lihat M. Hakan Yavuz, “Political Islam and the Welfare (Refah) Party in Turkey”, *Comparative Politics*, Vol. 30, No. 1, Oktober 1997, hlm. 73-75. Ziya Onis, “The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey: The Rise of The Welfare Party in Perspective”, *The Third World Quarterly*, Dec 97, Vol. 18, Issue 4, hlm.754. Haldun Gulalp, “Political Islam in Turkey”, hlm. 26.

pengagihan kuasa pentadbiran, menggalakkan penglibatan individu dalam perniagaan dan mengelakkan campurtangan kerajaan dalam segala aktiviti ekonomi.<sup>11</sup>

Refah juga lebih menumpukan minatnya dalam usaha menceburi ekonomi ke pasaran antarabangsa, berbeza dengan MSP yang lebih mempertahankan pasaran domestik. Jika MSP lebih mengutamakan pembangunan industri berat melalui konsep penswastaan yang diletakkan di bawah pengawasan pihak kerajaan, sebaliknya Refah hanya menjadikannya sebagai inisiatif individu.<sup>12</sup> Refah juga turut mengesyorkan perlaksanaan sistem keadilan perundangan yang pelbagai “*multiple legal-orders*” dan memperjuangkan kebebasan individu dalam mengamalkan kepercayaan agama melalui perundangan. Cadangan baru ini dikemukakan bertujuan menggalakkan penyertaan masyarakat awam dalam kerajaan dan negara. Refah telah membawa usul ini ke parlimen untuk pindaan dalam perlembagaan.<sup>13</sup> Idea ini kemudiannya telah mencetuskan wacana intelektual Islam di Turki menjelang tahun 1990-an yang meningkatkan peranan Islam dalam proses demokrasi, masyarakat madani, kehidupan sosial dan kenegaraan.<sup>14</sup>

Dalam rangka mewujudkan plan pembangunan jangka panjang parti, Refah bukan sahaja berjaya membentuk elit berpendidikan dengan penyediaan pelbagai prasarana pendidikan dan kebajikan bahkan turut membina jaringan perniagaan yang menjadi nadi penggerak dalam membiayai keperluan kewangan parti dengan tertubuhnya Persatuan Peniaga dan Pengusaha Bebas (MUSIAD) pada 5 Mei 1990.<sup>15</sup>

<sup>11</sup> Haldun Gulalp, “Political Islam in Turkey”, hlm. 27 dipetik daripada Necmettin Erbakan, *RP 4. Buyuk Kongre Aci Konusmasi* (Ankara, 1993), hlm. 69.

<sup>12</sup> Ibid., hlm. 27.

<sup>13</sup> Haldun Gulalp, “Political Islam in Turkey”, hlm. 28 yang memetik dari Sen, *Refah Partisi nin*, hlm. 63.

<sup>14</sup> Lihat Haldun Gulalp, “Globalization and Political Islam: The Social Bases of Turkey’s Welfare Party”, *International Journal Middle East Studies*, Vol. 33, 2001, hlm. 433-488, Michael E. Meeker, “The New Muslim Intellectuals in The Republic of Turkey”, dalam Richard Tapper (ed.), *Islam in Modern Turkey: Religion, Politics and Literature in a Secular State*, (I.B Tauris & Co. Ltd: London, 1994) hlm. 189-219.

<sup>15</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Gerakan Islam dengan Demokrasi : Pengalaman Lalu dan Prospek Masa Depan” dalam Seminar Antarabangsa ABIM, Kuala Terengganu, 8 September 2002, hlm. 9. Lihat juga Haldun Gulalp, “Globalization and Political Islam”, hlm. 439-441.

Gagasan Refah dalam memartabatkan Islam sebagai pegangan hidup berkeyakinan bahawa kemunduran masyarakat dan umat Islam bukanlah berpunca daripada ajaran Islam itu sendiri bahkan disebabkan oleh dominasi Barat terhadap masyarakat Islam. Refah bersetuju dengan pendekatan tarikat Naksibendi bahawa pembaharuan Islam memerlukan kepada pemulihan moral dalam menentang kuasa Barat, di samping sokongan dan peningkatan terhadap pembangunan saintifik, perindustrian dan ketenteraan negara.<sup>16</sup>

Dengan kata lain, gagasan yang didukung oleh Refah agak berbeza dalam konteks di Turki dan dunia secara keseluruhan. Pendekatan menyeluruh dan terkehadapan Refah dalam pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan dan hubungan luar di segenap peringkat masyarakat tidak hanya didukung oleh golongan berpendidikan agama, malah turut disambut baik oleh golongan peniaga kecil dan sederhana, pekerja pelbagai sektor, golongan profesional kelas pertengahan dan graduan dari universiti-universiti berpendidikan sekular.

#### **4.3 Refah Dalam Pilihan Raya 1995**

Refah Partisi meletakkan demokrasi sebagai wahana terbaik dalam usaha memperjuangkan matlamat dan cita-cita parti bagi menyampaikan mesej Islam sebenar. Untuk itu, Refah menaruh keyakinannya yang tinggi untuk bertanding buat kali keenam dalam pilihan raya 24 Disember 1995, setelah mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya Mac 1994. Rasa tidak puas hati rakyat terhadap dasar ekonomi Tansu Ciller yang

---

<sup>16</sup> Sencer Ayata, "Patronage, Party and State: The Politicization of Islam in Turkey", *Middle East Journal*, Vol. 50, No. 1, Musim Sejuk 1996, hlm. 54.

mengakibatkan kadar inflasi melambung tinggi, telah memberi lampu hijau kepada Refah untuk meraih undi majoriti dalam pilihan raya 1995.<sup>17</sup>

Sepanjang penyertaan parti politik Islam dalam politik Turki, pilihan raya tahun 1995 sungguh besar ertinya kepada Refah Partisi khususnya, dan politik Islam di Turki amnya. Ini kerana kemenangan besar yang berjaya dicapai oleh Refah Partisi dengan memperolehi 21.32 peratus undi atau 158 kerusi daripada 550 kerusi yang dipertandingkan mengatasi parti Ibu Pertiwi (ANAP) dengan 19.66 peratus undi atau 132 kerusi. Manakala Parti Jalan Kebenaran (DYP) pimpinan Tansu Ciller memperolehi 19.2 peratus atau 134 kerusi. Sementara itu, Parti Demokratik Kiri (DSP) memperolehi 14.6 peratus dan Parti Republik Rakyat (CHP) mencapai 10.7 peratus. Turut bertanding dalam pilihan raya 1995 kali ini sebuah parti kebangsaan, Parti Tindakan Kebangsaan (MHP) dan sebuah parti etnik Kurdi, iaitu Parti Demokrasi Rakyat Kurdi (HADEP), masing-masing memperolehi undi sebanyak 8.2 peratus dan 6.1 peratus. Walau bagaimanapun, kedua-dua parti tersebut tidak layak mewakili parliment setelah gagal mencapai 10 peratus daripada undi keseluruhan.<sup>18</sup> Selain daripada itu, kemerosotan undian terhadap HADEP turut membantu meningkatkan undian kepada Refah Partisi di wilayah tenggara yang kebanyakannya diwakili penduduk Kurdi.<sup>19</sup>

Pencapaian cemerlang Refah yang paling mengagumkan ialah kejayaannya menguasai undi di bandar metropolitan Istanbul, Ankara dan beberapa wilayah luar bandar di Tenggara dan Timur Anatolia. Kemenangan ini boleh disifatkan sebagai bukti penerimaan masyarakat terhadap mesej sosial Refah yang mendominasi undian pada pilihan raya 1995. Refah yang berhasrat mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih dan

<sup>17</sup> Yusuf Yasar, Ahmad Irfan, "Saying Good-bye to Ciller May Not Be Enough", *Impact International*, Vol. 24 No. 3, Mac 1994 hlm. 7-10.

<sup>18</sup> Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm.765.

<sup>19</sup> "Islamist Party Wins Turkish Polls by Wafer-Thin Margin", *New Straits Times*, 26 Disember 1995, hlm. 19.

adil telah berjaya meningkatkan purata undiannya daripada 16.8 peratus dalam tahun 1994 kepada 17.7 peratus dalam pilihan raya 1995, di lima buah bandar industri terbesar Turki iaitu Istanbul, Ankara, Adana, Izmir dan Bursa.<sup>20</sup> Undian terhadap Refah di Istanbul dan Ankara sahaja mencecah 23 peratus dan 20 peratus, manakala undian bagi parti sosial demokrat CHP hanya sekitar 11 peratus dan 16.2 peratus.<sup>21</sup>

Kejayaan gemilang ini bukan sahaja diraikan oleh penyokong dan pendukung Refah Partisi di sepanjang jalan raya dengan mengibarkan bendera dan lambang parti itu, bahkan turut disambut oleh majoriti rakyat Turki sebagai tanda kemenangan masyarakat Islam untuk melihat potensi politik berhaluan Islam menerajui kepimpinan negara lebih-lebih lagi ketika Turki dilanda masalah ekonomi yang agak kritikal.<sup>22</sup> Kemenangan Refah Partisi dalam pilihan raya 1995 ini turut mendapat liputan meluas negara dan media asing terutamanya negara-negara Islam dan Barat. Sesetengah pergerakan agama di negara-negara Arab merayakan kemenangan Refah kerana menganggap ianya imbuhan terhadap politik mereka juga. Terdapat juga pergerakan agama yang menghantar wakil masing-masing ke Turki sebelum dan selepas pilihan raya bagi mengikuti perkembangan proses pembuangan undi dan seterusnya pembentukan kerajaan pimpinan Erbakan.<sup>23</sup> Walau bagaimanapun, kebangkitan suara pro-Islam ini dianggap suatu ancaman terhadap Barat dengan menggambarkan perubahan kecil yang diluahkan oleh suara rakyat ini sebagai tidak wajar kerana mampu menjejas sistem sekularisme Ataturk yang mengagung nilai-nilai Barat.<sup>24</sup> Sungguhpun begitu, kebangkitan sokongan terhadap Refah ini dalam

<sup>20</sup> Pengurusan pentadbiran Ankara dan Istanbul yang tidak efisyen, telus dan amanah semasa pemerintahan kerajaan campuran DYP dan Parti Popular Sosial Demokratik (SDP)( kemudiannya melahirkan RPP) mengalih pandangan rakyat terhadap Refah dengan prinsip dan imej kerajaannya yang bersih yang dibentuk menjelang 1989. Lihat Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm.755.

<sup>21</sup> Haldun Gulalp, "Political Islam in Turkey", hlm. 30.

<sup>22</sup> "Ciller Letak Jawatan PM Turki ", *Utusan Malaysia*, 26 Disember 1995, hlm. 18.

<sup>23</sup> Astora Jabat, "Turki Terus Terumbang-Ambing", *Mingguan Malaysia*, 14 April 1996, hlm. 20.

<sup>24</sup> Ibid., hlm. 20.

konteks yang lebih luas, seharusnya perlu diperakui oleh semua pihak sebagai suara demokrasi rakyat yang inginkan perubahan yang lebih baik demi masa depan Turki.

Menyelami faktor yang membawa kepada kemenangan Refah dalam pilihan raya 1995, selain slogan kebaikan sosial yang menjadi tema utama sepanjang kempen berlangsung, ia juga didorong oleh kekuatan dalaman Refah dalam menyusun strategi politik yang berkesan. Kekuatan Refah berbanding parti politik yang lain, bukan sahaja disebabkan oleh saiz keanggotaannya, tetapi juga dipengaruhi oleh keberkesanan kepimpinan dan organisasi partinya yang sistematik.<sup>25</sup> Pendukung Refah tidak hanya diwakili oleh orang dewasa, bahkan turut disertai oleh golongan muda termasuklah anggota tentera wanita yang muncul sebagai aset parti yang amat bernilai.<sup>26</sup> Kegigihan pendukungnya tanpa kenal erti penat dan lelah ini, lantaran sikap tanggungjawab yang tertanam dalam diri setiap kumpulan dan individu tidak hanya membawa hasil yang diharapkan, malah turut membawa Refah sebagai sebuah pergerakan atau parti politik Islam terkenal dan berpotensi.<sup>27</sup>

Menurut Sencer Ayata terdapat tiga faktor yang membawa kejayaan Refah dalam pilihan raya 1995 sehingga berjaya menambat kepercayaan dan keyakinan masyarakat Turki terhadap kepemimpinan Refah.<sup>28</sup> Pertama, mesej yang disarankan oleh Refah adalah mudah, jelas dan menyeluruh. Refah menerangkan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap individu dan hak mereka dalam sesebuah masyarakat dan negara dengan saranan dan pelan tindakan secara teratur. Dengan erti kata lain, ia disifatkan oleh John L. Esposito sebagai kebijaksanaan Refah menggunakan saluran demokrasi sebagai kayu

<sup>25</sup> Sencer Ayata, "Patronage, Party and State", hlm. 52.

<sup>26</sup> Ibid., hlm. 52 yang memetik daripada Rusen Cakir, *Ne Seriat ne Demokrasi (Neither Seriat nor Democracy)* (Istanbul: Metis, 1994) hlm. 15-19.

<sup>27</sup> Sami Zubaiba, *Islam, the People and the State*, (London: I. B. Tauris, 1993) hlm. 50. Sencer Ayata, "Patronage, Party and State", hlm. 52.

<sup>28</sup> Sencer Ayata, "Patronage, Party and State", hlm. 52.

pengukur bagi melihat kegagalan sebenar sekular Turki dalam menghormati hak setiap warganya termasuklah kebebasan bersuara atau hak untuk hidup mengikut kepercayaan agama masing-masing.<sup>29</sup> Kedua, pendukung dan kepimpinan parti turut menawarkan pelbagai perkhidmatan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat miskin seperti kemudahan kesihatan dan perubatan, bantuan kepada anak-anak dalam pendidikan, projek sara diri untuk wanita, kemudahan mendapatkan pekerjaan, makanan, bahan mentah dan lain-lain keperluan harian. Faktor terpenting yang mendorong sokongan terhadap Refah adalah keprihatinan dan penghargaan parti tersebut terhadap segala usaha, pengorbanan dan sokongan masyarakat awam terhadap mereka. Kepimpinan Refah telah menunjukkan teladan yang terpuji dan boleh dicontoh dengan sentiasa menjaga hubungan komunikasi dan mendekatkan diri dengan rakyat. Sebagai contoh, lawatan calon Refah ke rumah keluarga si mati, membawa mesej sentuhan kemanusiaan kepada umum.<sup>30</sup> Selain daripada itu, slogan “Pemerintahan Adil” (*Adil Duzen*) turut menarik sokongan masyarakat terhadap Refah sebagai satu formula bagi menangani krisis ekonomi dan pentadbiran negara.<sup>31</sup>

Maka tidaklah menjadi suatu yang mustahil sekiranya sokongan terhadap Refah melampaui sempadan wilayah, kelas masyarakat, etnik mahupun corak undian di bandar dan desa.<sup>32</sup> Mandat dan sokongan rakyat ini terbukti melalui peningkatan peratusan undian yang sekaligus menjana prestasi cemerlang Refah setiap kali pilihan raya diadakan, daripada mencapai hanya 4.4 peratus dalam pilihan raya tempatan 1984, kepada 7.2 peratus pada tahun 1987 dalam pilihan raya parlimen, 9.8 peratus pada pilihan raya 1989 dan 16.9 peratus dalam pilihan raya parlimen tahun 1991. Seterusnya peratusan ini

<sup>29</sup> John L. Esposito, “Islam and Secularism in the Twenty-First Century”, dalam John L. Esposito dan Azzam Tamimi (ed), *Islam and Secularism in The Middle East*, (London: C. Hurst & Co. Ltd) hlm. 4.

<sup>30</sup> M. Hakan Yavuz, “Political Islam and the Welfare (Refah) Party in Turkey”, hlm. 78.

<sup>31</sup> Mehran Kamrava, “Pseudo-Democratic Politics and Populist Possibilities: The Rise and Demise of Turkey’s Refah Party”, *British Journal of Middle Eastern Studies*, Vol. 25, No. 2, 1998, hlm. 287-289.

<sup>32</sup> Sencer Ayata, “Patronage, Party and State”, hlm. 53.

terus meningkat dalam pilihan raya umum 1994 dan pilihan raya parlimen 1995 daripada 19.1 peratus kepada 21.4 peratus.<sup>33</sup> Kemenangan ini meletakkan Refah Partisi sebagai parti haluan Islam pertama berjaya menguasai kepimpinan negara, di samping menjadi parti haluan kanan konservatif yang menjadi alternatif kepada barisan parti sosial sekular yang menjadi tradisi dalam politik Turki sebelum ini.<sup>34</sup> Sungguhpun memperolehi kemenangan tipis, ia sudah cukup memberi laluan kepada Erbakan membentuk kerajaan campuran bersama Parti Jalan Kebenaran (DYP) pimpinan Tansu Ciller menjelang pertengahan tahun 1996.

#### 4.4 Kerajaan Campuran Erbakan-Tansu Ciller

Kemenangan 21.4 peratus dalam pilihan raya 1995, bukan laluan mudah buat Refah untuk membentuk kerajaan secara bersendirian. Pelbagai helah dilakukan oleh dua kumpulan fahaman kanan sekular negara itu bagi menghalang dan mengelak<sup>35</sup> terbentuknya pakatan kerajaan bersama Refah.<sup>36</sup> Sungguhpun gabungan kerajaan Mesut Yilmaz, pemimpin Parti Ibu Pertiwi (ANAP) dan Ciller (DYP) cuba diwujudkan, ternyata usaha ini menemui kegagalan, lantaran perseteruan kedua pemimpin parti atas dasar pendekatan dan peribadi.<sup>37</sup> Keadaan ini turut mengheret Turki ke kancang politik yang tidak menentu. Akhirnya, menjelang 8 Jun 1996 pakatan antara Refah dan DYP pimpinan Tansu Ciller berjaya dibentuk setelah Presiden Suleyman Demirel memberi mandat kepada Erbakan

<sup>33</sup> Turkey Update, *Center for Strategic and International Studies*, Mac 1998, hlm. 1. <http://www.csis.org/turkey/TU9803.htm>.

<sup>34</sup> Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm. 743.

<sup>35</sup> M. H. Faruqi, "Trying to Marry an Odd Couple: Refah Poses a Matchmaking Dilemma", *Impact International*, Vol. 26, No. 2, Februari 1996, hlm. 14-16.

<sup>36</sup> Selepas keputusan pilihan raya diumumkan yang memberi kemenangan kepada Refah, kebanyakan akhbar utama berfahaman sekular seperti *Hurriyet*, Sabah menyokong pakatan ANAYOL (ANAP-DYP) dibentuk dengan mengenepikan permusuhan antara kedua-dua parti daripada membentuk perikatan bersama Refah, walaupun kedua pemimpin awal-awal lagi telah mengumumkan ketidaksediaan mereka untuk bersatu. Lihat "Ciller Letak Jawatan PM Turki", *Utusan Malaysia*, 26 Disember 1995, hlm.18.

<sup>37</sup> Ersin Kalaycioglu, "The Logic of Contemporary Turkish Politics", *Middle East Review of International Affairs*, Vol.1, No. 3, September 1997, hlm. 8.

untuk membentuk kerajaan.<sup>38</sup> Sementara itu, Necmettin Erbakan telah dilantik sebagai Perdana Menteri dalam sistem giliran yang dipersetujui bersama.<sup>39</sup> Buat pertama kalinya dalam sejarah republik sekular tersebut, golongan pro-Islam diangkat sebagai Perdana Menteri.

Hakikat sebenar imej Erbakan dan Refah Partisi yang menonjol sehingga mampu membentuk kerajaan, tidak disenangi oleh golongan sekular Turki dan Barat seolah-olah telah muncul satu lagi kumpulan Iran, Sudan dan Afghanistan.<sup>40</sup> Pelbagai halangan dilakukan bagi melumpuhkan dan menjatuhkan kerajaan Erbakan seterusnya mengharamkan Refah dari menjalankan aktiviti politik. Namun begitu, Refah cuba menggunakan peluang dan kesempatan yang terbatas ini sebaik mungkin bagi membuktikan kemampuan dan potensi politik Islam dalam pentadbiran negara, walaupun hanya sempat menerajui negara sekitar satu tahun. Mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat dipikul dengan penuh tanggungjawab sebagai satu amanah besar dari Allah s.w.t. Dasar pentadbiran kerajaan pimpinan Necmettin Erbakan dapat dijelaskan melalui polisi dalam dan luar negara sebagai satu strategi dalam menggerakkan jentera kerajaan.

#### **4.4.1 Polisi Dalam Negara**

Sejurus selepas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Turki, Erbakan telah memberi jaminan bahawa Turki akan meneruskan dasar sekular dalam pentadbiran kerajaan sepanjang pemerintahan beliau, walaupun diketahui Erbakan sebelum ini secara peribadi amat menentang keras dasar tersebut. Erbakan telah menggunakan pendekatan yang lebih

<sup>38</sup> "Partai Refah Janji Turki Tetap Sekuler", *Kompas Online*, 8 Jun 1996, hlm. 1. <http://www.kompas.com/9606/08/UTAMA/part.htm>.

<sup>39</sup> "Turkey Approves Islamic-led Government", *Time Daily*, 8 Julai 1996, hlm. 1. [http://cgi.pathfinder.com/time/daily/article/o\\_1344\\_6877\\_00.html](http://cgi.pathfinder.com/time/daily/article/o_1344_6877_00.html).

<sup>40</sup> John L. Esposito, "Islam and Secularism in the Twenty-First Century", hlm. 5.

bertolak ansur dan prakmatik sebagai wasilah yang terbaik dalam menentukan kesinambungan perjuangan politik Islam.<sup>41</sup>

Erbakan mengambil sikap yang lebih terbuka dan sederhana yang menjurus kepada usahasama dalam membentuk dasar dalam negara bagi mewujudkan kesejahteraan sosial, memperkuatkan sistem demokrasi dan kestabilan ekonomi negara setelah mengambil alih tumpuk pemerintahan.<sup>42</sup> Tumpuan kerajaan Erbakan dalam menjalankan polisi dalam negeri ialah menangani beberapa masalah kebijakan sosial dan kemudahan infrastruktur, memulihkan ekonomi, pembangunan Islam dan pendidikan, pembangunan wanita dan mengatasi isu etnik minoriti.

Erbakan dan kerajaan pimpinannya telah meletakkan program pembangunan masyarakat, kebijakan dan kerja membaikpulih kemudahan infrasuktur sebagai keutamaan dalam pentadbiran kerajaan. Menurut Ugur Akinci, jentera kerajaan Erbakan terutama sekali majlis perbandaran utama dan kebanyakan kawasan yang dikuasai oleh Refah, telah berjaya digerakkan bagi menyelesaikan beberapa masalah kesesakan lalulintas, kesukaran mendapat bekalan air dan bahan api (gas asli), perumahan yang tidak mencukupi, pencemaran alam sekitar, peningkatan harga makanan, rasuah dan korupsi, serta elitisme budaya.<sup>43</sup> Masalah “Tiga C” yang menyelubungi masyarakat sekitar bandaraya sebelum ini juga berjaya diselesaikan dengan baik.<sup>44</sup> Tiga “C” merujuk kepada *cop, cukur* dan *camur* dalam bahasa Turki yang bermaksud sampah-sarap, lubang dan

<sup>41</sup> Pendekatan ini digunakan untuk memastikan Refah menjadi parti alternatif kepada politik perdana Turki. Slogan “pemerintahan yang adil” dan beberapa tema sebelumnya, tidak disebut dalam kenyataan yang dibuat oleh pimpinan Refah ketika berlangsung Konvensyen Refah Oktober 1996, ternyata amat mengecewakan penyokong radikal parti tersebut. Ia dilakukan demi menjaga kesinambungan politik Islam di Turki. Lihat Haldun Gulalp, “Political Islam in Turkey”, hlm. 37.

<sup>42</sup> Matlamat bersama yang ingin dicapai oleh DYP selepas membentuk kerajaan campuran bersama Refah dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Tansu Ciller ketika sesi temubual yang dibuat oleh Ahmet Coskun dan Zahit Akman, di Kanal 7, saluran televisyen milik kumpulan pro-Islamis pada 27 Oktober 1996.

<sup>43</sup> Ia membawa maksud elitisme atau penguasaan budaya terpilih. Lihat Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, (Shah Alam: Fajar Bakti, 2000) hlm. 121; Ugur Akinci, “The Welfare Party’s Municipal Track Record”, hlm. 78-79.

<sup>44</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Gerakan Islam dengan Demokrasi”, hlm. 10.

lopak. Sementara itu, pengendalian air bersih dilakukan di sepanjang 613 kilometer saluran paip, manakala sepanjang 912 kilometer saluran paip dibina bagi memproses air kumbahan dan hujan.<sup>45</sup>

Selain daripada itu, menurut Datuk Bandar Istandul, Recep Tayyip Erdogan, bahawa skandal rasuah telah dapat dibendung dengan usaha mengemaskinikan pentadbiran majlis.<sup>46</sup> Kesannya, hasil pendapatan majlis perbandaran berjaya ditingkatkan daripada USD 105 million kepada USD 300 million dalam bulan April 1996.<sup>47</sup> Tayyip Erdogan turut menyatakan bahawa hasil pendapatan daripada Pentadbiran Kumbahan dan Pengendalian Air Istanbul (ISKI) adalah sebanyak USD 1 million sebulan dan kemudian mencecah USD 17.5 million menjelang Julai 1997 apabila Refah mengambil alih majlis perbandaran dalam tahun 1995, berbanding bebanan hutang luar sebanyak USD 2 billion ditinggalkan semasa mula menerajui Majlis Bandaraya Istanbul.<sup>48</sup> Refah juga terpaksa terpaksa menanggung hutang sejumlah USD 16 billion ketika mula menguasai majlis perbandaran pada tahun 1994. Namun begitu, pendapatan bandaraya-bandaraya yang dikuasai Refah berjaya ditingkatkan sebanyak USD 150 juta pada tahun 1994; USD 390 juta dalam tahun 1995; USD 980 juta pada tahun 1996 dan USD 1.87 billion dalam tahun 1997.<sup>49</sup>

Kerajaan pimpinan Erbakan turut mengambil inisiatif memulihkan kedudukan ekonomi negara. Dalam pertemuan draf Belanjawan Negara 1997, Erbakan menekankan bahawa perlunya kawalan terhadap kadar pinjaman negara yang mendorong

<sup>45</sup> Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record", hlm. 79 yang memetik daripada "RP'liler Memnun" (RP Members Satisfied), *Radikal*, 27 Mac 1997.

<sup>46</sup> Sungguhpun dalam kenyataan lain beliau menyatakan kesukaran menghapuskan rasuah seratus peratus, sekurang-kurangnya keadaan ini dapat dikurangkan. Lihat "Rusvetl bitiremedi" (I Couldn't Eliminate Bribery), *Hurriyet*, 3 Julai 1998.

<sup>47</sup> M. Akif Beki, "Two Years of Refah Rule in Istanbul," *Turkish Daily News*, 1 April 1996.

<sup>48</sup> Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record", hlm. 79

<sup>49</sup> Ibid., hlm. 79.

kejatuhan pengeluaran barang dan nilai eksport, peningkatan kadar pengangguran dan penurunan pendapatan negara. Menurut pakar ekonomi, belanjawan 1997 ini bakal meningkatkan pendapatan negara melalui cukai dan program penswastaan.<sup>50</sup> Walaupun ekonomi Turki pada ketika itu berada dalam keadaan yang agak kritikal, namun Erbakan dapat menanganinya dengan baik.<sup>51</sup> Sebagai contoh, menurut Persatuan Pengeksport Turki (TIM), eksport Turki dilaporkan meningkat 11 peratus menjelang Julai 1996 kepada USD 1.939 billion berbanding USD 1.743 billion pada Jun tahun sebelumnya.<sup>52</sup> Kerajaan Erbakan juga turut mencatat keuntungan sebanyak USD 25 million dalam tahun 1995, USD 295 million dalam tahun 1996 dan melonjak kepada USD 1.2 billion pada tahun 1997.<sup>53</sup> Perancangan ekonomi kondusif yang dilaksanakan oleh Erbakan ternyata dapat mewujudkan kestabilan ekonomi negara.

Kepakaran anggota Refah Partisi dalam MUSIAD (Persatuan Peniaga dan Pengusaha Bebas)<sup>54</sup> turut dimanfaatkan oleh Erbakan bagi mengerakkan sektor ekonomi negara. Penglibatan Refah dan Erbakan dalam sektor ekonomi berada di tahap yang agak kukuh, atas sokongan beberapa rangkaian komunikasi ahli-ahli perniagaan kecil dan sederhana serta golongan profesional kelas menengah yang menganggotai MUSIAD dan berjaya menjadi saingan kepada TUSIAD (Persatuan Peniaga dan Pengusaha Turki).<sup>55</sup> MUSIAD dan rangkaian syarikatnya terus berkembang merentasi pasaran domestik dan global. Dalam tempoh beberapa tahun sahaja keahlian MUSIAD terus meningkat

<sup>50</sup> "Balancing the Budget", *Impact International*, Disember 1996, hlm. 37-38.

<sup>51</sup> Belanjawan 1996 yang diluluskan telah mencatat sebanyak TL 300 trillion defisit dan kemudian meningkat kepada TL 1,000 trillion menjelang penghujung tahun 1996 yang meletakkan negara dalam belenggu inflasi yang tinggi. Lihat *Impact International*, Disember 1996, hlm. 37.

<sup>52</sup> Lihat "Eksport Up 11 %", *Newspot Turkish Digest*, 16 Ogos 1996, hlm. 5.

<sup>53</sup> Kadar purata nilai tukaran matawang dollar berbanding Turki USD\$1= TL 200,000. Kadar ini terhad setakat tahun 1997. Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record", hlm. 79. Lihat juga "Hizmet Kervani Yuruyor" (Service Convoy Marches On), *Milii Gazette*, 28 Mac 1997.

<sup>54</sup> Persatuan ini ditubuhkan oleh pengusaha kecil dan sederhana dalam lingkungan umur 33 tahun, setelah gagal berpayung di bawah Dewan Perdagangan dan Industri atau Dewan Pengusaha Kecil dan Kraftangan yang didominasi oleh syarikat gergasi tanpa kawalan daripada kerajaan Pusat. Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm. 759.

<sup>55</sup> M. Hakan Yavuz, "Political Islam and the Welfare (Refah) Party in Turkey", hlm. 72. Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm. 765.

daripada 400 buah syarikat individu pada tahun 1991, kepada 1700 buah syarikat dalam tahun 1993, 3,000 orang pada suku pertama tahun 1998 dan telah mencecah seramai 5,000 orang pada tahun 2000.<sup>56</sup> Manakala menjelang tahun 1998, pendapatan syarikat yang dimiliki oleh ahli-ahli MUSIAD dianggarkan sebanyak USD 2.97 billion.<sup>57</sup>

Kedudukan MUSIAD bukan sahaja penting mengikut perspektif Refah, malah berjaya berfungsi sebagai penggerak kepada polisi dalam dan luar negara, di samping berperanan dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat, meningkatkan jumlah dana harta awam, penglibatan sektor swasta dalam industri kecil dan sederhana.<sup>58</sup> Peranan yang dimainkan oleh MUSIAD turut diakui Ziya Onis sebagai nadi pelobi bagi rangkaian firma, organisasi swasta yang menjadi tulang belakang ekonomi Turki.<sup>59</sup>

Tarikan pelaburan asing dalam sektor domestik juga dipertingkatkan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan ekonomi yang berlaku sejak 1995 memberi peluang yang cerah kepada Turki apabila ia memutuskan untuk menyertai Kesatuan Eropah (*European Customs Union*). Eric Rouleau menyatakan bahawa ekoran daripada keputusan tersebut, pelaburan daripada negara Jerman, Jepun, Belanda dan Amerika Syarikat meningkat hampir sekali ganda dan kira-kira 60 peratus dari keseluruhan pelaburan Turki datangnya dari negara anggota EU.<sup>60</sup> Langkah ini secara tidak langsung memberi ruang kepada pelabur asing menanam modal dalam sektor tempatan.<sup>61</sup> Dengan

---

<sup>56</sup> Haldun Gulalp, "Globalization and Political Islam", hlm. 439-440.

<sup>57</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Gerakan Islam dengan Demokrasi ", hlm. 9.

<sup>58</sup> Industri kecil dan sederhana mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan selepas tahun 1980-an dan kian berkembang pesat sekitar 1990-an. Refah yang bernaung di sebalik kegiatan ekonomi ini turut memberi rangsangan terhadap perkembangan sektor ini. Haldun Gulalp, "Globalization and Political Islam", hlm. 437. Lihat juga Ayse Bugra, "Labour, Capital and Religion: Harmony and Conflict Among the Constituency of Political Islam in Turkey", *Middle Eastern Studies*, Vol. 38, No. 2, April 2002, hlm.189-195.

<sup>59</sup> Ziya Onis, "The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey", hlm. 760.

<sup>60</sup> Eric Rouleau, "Turkey: Beyond Ataturk", *Foreign Policy*, No. 103, Musim Panas 1996, hlm. 82.

<sup>61</sup> Melih Dogan, "Erbakan's Turkey: Ready for Business," *The Middle East Quarterly*, Vol. 4, No. 2, Jun 1997, hlm. 1.

purata pertumbuhan ekonomi (GNP) Turki di antara 30 dan 40 peratus, atau kira-kira 60 billion setahun, ia boleh dimanfaatkan oleh para pelabur.<sup>62</sup>

Erbakan juga turut mengambil inisiatif memajukan projek penswastaan yang pernah dilaksanakan ketika Turgut Ozal menjadi Perdana Menteri. Pada peringkat awal, iaitu sekitar bulan Disember 1996, kerajaan bersetuju dengan tawaran 3 buah institusi kewangan kerajaan. Syarikat simen milik kerajaan turut diswastakan dengan tawaran tertinggi sebanyak USD 47.5 million, manakala 3 buah bank milik kerajaan diswastakan dengan nilai sebanyak USD 320 million.<sup>63</sup> Di samping itu, Erbakan juga turut memperkenalkan sistem perbankan Islam dan *waqaf* sebagai alternatif terhadap sistem konvensional sedia ada. Sistem Waqaf ini diwujudkan bagi menggalakkan penyertaan masyarakat ke dalam perkhidmatan sosial seperti bantuan kepada klinik-klinik, pembinaan rumah bagi masyarakat miskin, pengagihan makanan dan sebagainya.<sup>64</sup>

Kerajaan Erbakan turut memberi perhatian terhadap dasar pembangunan Islam. Mercu tanda dan simbolik bagi mewujudkan budaya dan persekitaran Islam telah dijelmakan dengan pembinaan Masjid Besar Taksim yang terletak di pusat bandar Istanbul. Projek pembinaan ini dilaksanakan atas cadangan Refah di bawah pelan pembangunan pentadbiran bandaraya Istanbul.<sup>65</sup> Semenjak Refah menerajui pentadbiran Majlis Bandaraya Istanbul yang memiliki kira-kira 10 million orang penduduk, bilangan masjid meningkat daripada 1,490 buah pada tahun 1985, kepada 3,000 buah masjid menjelang Julai 1996.<sup>66</sup> Selain itu, Jabatan Hal Ehwal Agama yang diletakkan di bawah pengawasan pejabat Perdana Menteri telah membayai sejumlah lebih daripada 54,600

---

<sup>62</sup> Ibid., hlm. 1.

<sup>63</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>64</sup> Cathy Benton, "Many Contradictions: Women and Islamists in Turkey", *The Muslim World*, Vol. LXXXVI, No. 2, April, 1996, hlm. 115.

<sup>65</sup> Haldun Gulalp, "Political Islam in Turkey", hlm. 38.

<sup>66</sup> "Refah Brings Mosques Back to Life Turkey," *Saudi Gazette*, Jumaat, 26 Julai 1996, hlm. 7.

orang Imam.<sup>67</sup> Kerajaan Erbakan juga turut menggalakkan peranan pertubuhan agama, perkhidmatan sosial, media dan sebarang bentuk aktiviti keagamaan dalam masyarakat.<sup>68</sup> Manakala, beberapa langkah dan peraturan turut dikuatkuasa untuk menangani masalah sosial masyarakat Islam yang semakin berleluasa. Contohnya menghadkan minuman keras di café dan bar sepanjang jalan serta mengarahkan pemilik bar agar mengenakan langsir untuk mengasingkan peminum minuman keras daripada pelanggan lain.<sup>69</sup>

Dalam bidang pendidikan pula, kerajaan Erbakan memberikan peruntukan yang agak besar kepada sekolah-sekolah agama. Kerajaan juga telah memanjangkan tempoh pendidikan wajib kepada lapan tahun bagi memantapkan sistem pendidikan negara mengikut minat dan kecenderungan pelajar.<sup>70</sup> Penglibatan sektor swasta dalam pendidikan negara dengan penubuhan sekolah dan pusat pendidikan tinggi amat dialu-alukan dan diberi galakan oleh kerajaan. Penyertaan sektor swasta telah dapat menyediakan prasarana yang lebih baik dalam sistem pembelajaran dan meningkatkan taraf profesionalisme dalam teknologi pendidikan.<sup>71</sup>

Bagi menjaga kebijakan dan masa depan warga Turki yang bekerja dalam sektor awam dan swasta, skim *Emekli Sandığı* (Tabung Pencen Kakitangan Awam), Pertubuhan Keselamatan Sosial dan BAG-KUR (Tabung Pencen bagi Pekerja Swasta) diperkenalkan bagi menggalakkan tabungan yang menjamin masa depan mereka menjelang waktu persaraan. Sistem insurans juga diperkemaskan sebagai satu langkah persediaan ketika

---

<sup>67</sup> Ibid., hlm. 7.

<sup>68</sup> John L. Esposito, "Islam and Secularism in the Twenty-First Century", hlm. 7.

<sup>69</sup> Sami Zubaida, "Cosmopolitanism in The Middle East," *Civil Society: Democratization in the Arab World*, Vol. 7, issue 79, Julai 1998, hlm. 3.

<sup>70</sup> "Program of 54<sup>th</sup> Coalition Government", *Newspot Turkish Digest*, 16 Ogos 1996, hlm. 2.

<sup>71</sup> "Program of 54<sup>th</sup> Coalition Government", hlm. 2.

menghadapi kemalangan diri dan harta benda di samping mengelak kemungkinan berlakunya kemalangan di tempat kerja.<sup>72</sup>

Kerajaan pimpinan Erbakan turut mengambil berat masalah pembangunan dan kebijakan golongan wanita. Pendidikan intensif telah dilaksanakan untuk meningkatkan penglibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi khususnya dalam industri kraftangan negara.<sup>73</sup> Kaum wanita juga diberi peluang dan hak dalam pendidikan tinggi, sektor pekerjaan malah menyertai politik. Keanggotaan tiga orang ahli parlimen wanita dengan seorang sahaja yang bertudung dalam jawatankuasa pusat Refah Partisi dan parlimen Turki membuktikan kenyataan ini.<sup>74</sup> Masalah kebijakan kaum hawa ini sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan Erbakan seperti membenarkan wanita bertudung ketika berada di universiti dan di tempat kerja. Jelas di sini, kerajaan pimpinan politik berhaluan Islam amat prihatin mempertahankan hak dan kebijakan golongan wanita sebagaimana dituntut oleh Islam dalam erti kata sebenar.<sup>75</sup>

Dasar dalam negeri yang dilaksanakan oleh kerajaan Erbakan ternyata memberi tumpuan terhadap usaha pemulihan ekonomi, kemudahan infrastruktur dan kebijakan awam, pembangunan Islam, pendidikan dan wanita. Gambaran yang ditunjukkan oleh kepimpinan Erbakan memperlihatkan bahawa peradaban Islam tidak meminggirkan pembangunan fizikal dan rohani dalam mencapai arus kemajuan. Keadaan ini secara tidak langsung, menangkis tanggapan negatif sesetengah pihak terhadap kebolehan kumpulan berhaluan Islam dalam mengurus dan mentadbir negara.

---

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>73</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>74</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Gerakan Islam dengan Demokrasi", hlm. 12.

<sup>75</sup> Lihat Ayse Kadioglu, "Women Subordination in Turkey: Is Islam Really the Villain?", *Middle East Journal*, Vol. 48, No. 4, Musim Luruh 1994, hlm. 645-660.

#### **4.4.2 Polisi Luar Negara**

Kerajaan Erbakan mengambil langkah untuk meningkatkan lagi hubungannya dengan negara-negara Islam dalam membentuk dasar luarnya di samping masih mengekalkan polisi luar negara yang diamalkan oleh Turki sebelum ini. Hubungan diplomatik dijalankan bukan sahaja memberi pulangan terhadap sektor ekonomi, bahkan turut bertujuan merapatkan hubungan antara pelbagai negara sebagai satu kesatuan bersama yang disifatkan oleh Melih Dogan ke arah membentuk “kesatuan Pan-Islam”.<sup>76</sup>

Erbakan meletakkan lima matlamat dalam mencapai dasar luarnya dengan Dunia Islam iaitu mewujudkan Kesatuan Negara-Negara Islam yang akan bertindak sebagai forum bagi menyelesaikan masalah di kalangan negara Islam; mewujudkan pasaran ekonomi Islam; memperkenalkan sistem mata wang Islam; memperkenalkan pasukan pertahanan Islam; dan mewujudkan kesatuan kerjasama kebudayaan di kalangan negara Islam.<sup>77</sup> Sebagai satu langkah ke arah itu, “Kesatuan Kapas” diwujudkan. Kesatuan ini disertai oleh empat buah negara Islam iaitu Turki, Pakistan, Uzbekistan dan Turkmenistan sebagai suatu strategi bersepadu dalam memperluaskan saingen teknik kapas peringkat antarabangsa.<sup>78</sup>

Komitmen Turki terhadap negara-negara Islam turut dibuktikan melalui penubuhan D-8 atas cadangan bernes Erbakan mewujudkan Kumpulan Kerjasama Lapan Negara Membangun *Devoloping-8* (D-8) yang dianggotai oleh lapan buah negara, iaitu Turki, Malaysia, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria dan Pakistan bagi

---

<sup>76</sup> Melih Dogan, “Erbakan’s Turkey: Ready for Business”, hlm. 3.

<sup>77</sup> Mehran Kamrava, “Pseudo-Democratic Politics and Populist Possibilities”, hlm. 290.

<sup>78</sup> Ziya Onis, “The Political Economy of Islamic Resurgence in Turkey”, hlm. 759.

menyaingi blok negara maju (G-7).<sup>79</sup> Kemuncak Deklarasi D-8 yang bersidang pada 15 Jun 1997 bertempat di Istanbul, Turki antara lain memutuskan keperluan mewujudkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota untuk menghadapi cabaran ekonomi global atau arus globalisasi secara aman, dialog, kerjasama, adil, saksama dan demokrasi.<sup>80</sup> Kerjasama ini bertujuan untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi dalam semua lapangan seperti perdagangan, industri, komunikasi dan maklumat, kewangan, perbankan dan penswastaan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi, pengurangan kemiskinan dan pembangunan sumber manusia, pertanian, tenaga, alam sekitar, kesihatan, pelancongan, budaya dan sukan.<sup>81</sup> Sidang kemuncak D-8 ini bukan sahaja berjaya memartabatkan imej negara-negara Islam dalam pembangunan ekonomi dan perdagangan, malah turut mengangkat reputasi baik kerajaan Erbakan dan bangsa Turki amnya di atas peranan yang dimainkannya dalam dunia Islam.<sup>82</sup> Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam ucapannya sempena persidangan tersebut turut menggesa agar kumpulan D-8 ini diharap bukan sekadar membincangkan permasalahan ekonomi negara-negara Islam, tetapi mampu merangka tindakan dan keputusan bersama demi manfaat pembangunan yang lebih pragmatik.<sup>83</sup>

Lawatan Erbakan ke beberapa buah negara seperti Iran, Libya, Syria, Nigeria, Pakistan, Singapura, Malaysia dan Indonesia,<sup>84</sup> sungguhpun disifatkan sebagai

<sup>79</sup> Alan Makovsky, "How to Deal with Erbakan", *The Middle East Quarterly*, Vol. 4, No. 1, Mac 1997, him. 2.

<sup>80</sup> Objektif utama D-8 adalah bagi mencapai pembangunan sosio-ekonomi bersandarkan prinsip berikut iaitu aman bukan konflik, dialog bukan konfrontasi, kerjasama bukan eksplotasi, adil bukan berat sebelah, saksama bukan diskriminasi dan demokrasi bukan mengenakan tekanan.

<sup>81</sup> <http://www.iol.ie/~afifi>.

<sup>82</sup> Mahmut Bali Aykan, "Refahyol Policy Toward the Islamic World and Turkish Foreign Policy in the Post-Cold War Era: Continuity, Change and Implications for the Present and the Future", *Turkish Review of Middle East Studies*, No. 11, 2000/2001, him. 89-98. Astora Jabat, "D-8 Ambil Alih Fungsi OIC?", *Utusan Malaysia*, Selasa, 24 Jun 1997, him. 7.

<sup>83</sup> "Dr M: D-8 Should Not Just Talk but Produce Results", *New Strait Times*, 17 Jun 1997.

<sup>84</sup> Selain merapatkan hubungan dengan negara-negara Islam, kerajaan Erbakan turut menjalinkan hubungan dengan rantau Timur seperti negara Asean. Rafiullah Azmi, "Pro-Islamic Party-led Coalition Government in Turkey", dalam Akhtarul Wasey (ed.), *Islam and The Modern Age*, Vol. 32, No. 2, Mei 2001, him. 81.

kontroversi oleh sesetengah pihak,<sup>85</sup> ia turut memberi manfaat dalam mewujudkan hubungan dagangan dan kerjasama antara kedua belah pihak, lebih-lebih lagi dalam industri petroleum, gas asli dan buruh.<sup>86</sup> Di samping itu juga, lawatan kerja ini dapat menimba pengalaman dan maklumat daripada negara yang dilawati dalam beberapa projek penswastaan, perbankan Islam dan pelaburan, selain memainkan peranan yang lebih aktif dalam menangani isu-isu umat Islam dan etnik Turki serantau seperti Bosnia, Balkan, Republik Asia Tengah, Caucasus, Cyprus dan sebagainya.<sup>87</sup>

Kunjungan Erbakan ke negara-negara Islam di Timur dan Barat boleh disifatkan sebagai usaha dan kesungguhan kerajaan Erbakan untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan negara umat Islam. Peranan yang dimainkan oleh Turki dalam hubungannya dengan dunia luar seolah-olah mengimbas kembali fungsi Turki sebagai pusat bagi kerajaan Uthmaniyah yang pada suatu ketika pernah menaungi hampir dua pertiga Dunia. Malah penglibatan Turki di kalangan negara-negara Islam semakin menonjol ketika Erbakan menerajui kepimpinan Turki. Ini dapat dilihat melalui lawatan beliau ke negara-negara tersebut sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri Turki, kepemimpinan Turki dalam merangka pelan pembangunan negara-negara D-8<sup>88</sup> dan penglibatan Turki dalam OIC dan IDB.<sup>89</sup> Usaha seperti ini sangat ditunggu-tunggu oleh bangsa Turki kerana tepat dengan cita-cita mereka ingin melihat Turki kembali

<sup>85</sup> Kegusaran Barat terhadap lawatan Erbakan ke negara-negara tersebut yang dianggap boleh mengugat kestabilan politik Dunia dan menyemarakkan lagi rangkaian kumpulan yang dilabelkan sebagai pengganas.

<sup>86</sup> Turki menandatangani perjanjian kerjasama saluran paip gas bersama Iran bernilai berbilion dollar. Iran diwakili oleh Menteri Minyak Gholamreza. Manakala Turki diwakili oleh Menteri Tenaga, Recai Kutu. Berikutnya termeterai perjanjian, Turki bakal dijadikan pengedar gas asli kedua terbesar selepas Rusia, sementara Iran dijangka menerima antara USD\$ 850 hingga USD\$ 1 billion daripada hasil eksport gas asli ke Turki. Lihat "Erbakan: "Turco-Iranian Cooperation Is Necessary for Peace in the Region", *Newspot Turkish Digest*, 16 Ogos 1996, hlm. 4. Lihat juga Alan Makovsky, "How to Deal with Erbakan", hlm. 2. Melih Dogan, "Erbakan's Turkey: Ready for Business", hlm. 3.

<sup>87</sup> Eric Rouleau, "Turkey: Beyond Ataturk", hlm. 78.

<sup>88</sup> Mahmut Bali Aykan, "Refahyol Policy Toward the Islamic World", hlm. 89.

<sup>89</sup> "Erbakan: 'IDB is Important in the Improvement of Relations with Islamic Countries'", *Newspot Turkish Digest*, 16 Ogos 1996, hlm. 3.

memainkan peranan yang lebih penting dalam dunia Islam walaupun tidak sampai ke peringkat memimpin dunia Islam seperti zaman silam.<sup>90</sup>

Dasar terbuka kerajaan Turki yang pro-Barat juga telah menjalinkan hubungan dengan Amerika Syarikat, yang pernah dikritik keras oleh Erbakan sebelum ini sebagai ‘imperialisme’ yang mengeksplorasi Turki, tanpa mewujudkan sebarang krisis dengan kuasa besar dunia tersebut.<sup>91</sup> Ankara dan Washington telah mengisyiharkan hubungan dua halanya dalam ekonomi dan perdagangan komersial pada Oktober 1996.<sup>92</sup> Dalam konteks yang lebih luas, hubungan ini bukan sahaja dapat menyokong pembangunan ekonomi Turki, ia juga dilihat dapat menggerakkan potensi Turki, yang diiktiraf oleh Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat, sebagai salah satu antara sepuluh negara besar ekonomi Dunia. Di samping itu, Turki dapat dijadikan jambatan penghubung bagi laluan pengaliran minyak dari pasaran Asia Tengah dan Barat melalui pelabuhan Ceyhan Mediterranean.<sup>93</sup>

Walau bagaimanapun, Erbakan secara tegas, enggan meneruskan hubungan dengan Israel, sungguhpun diketahui dasar luar kerajaan sebelum ini yang menekankan jalinan hubungan dengan negara Yahudi itu dalam sektor pelancongan, teknologi ketenteraan dan keselamatan negara. Namun, atas desakan yang tinggi, perjanjian ketenteraan dengan Israel pada bulan Ogos 1996<sup>94</sup> untuk meningkatkan teknologi pertahanan udara F-4s<sup>95</sup> terpaksa dipersetujui oleh Erbakan setelah mendapat tekanan dari pihak tentera dan tertunda beberapa kali.<sup>96</sup>

<sup>90</sup> Astora Jabat, “D-8 Ambil Alih Fungsi OIC?”, hlm. 7.

<sup>91</sup> Sencer Ayata, “Patronage, Party, And State”, hlm. 54.

<sup>92</sup> Melih Dogan, “Erbakan’s Turkey: Ready for Business”, hlm. 3.

<sup>93</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>94</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>95</sup> Aysegul Sever, “Turkey’s Stance on ‘Dual Containment’”, *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, Vol. XXIV, No. 2, Musim Sejuk 2001, hlm. 64.

<sup>96</sup> Alan Makovsky, “How to Deal with Erbakan”, hlm. 1.

Melihat sikap yang diambil oleh Erbakan dalam isu hubungannya dengan Barat dan Israel, beliau ternyata bijak menggunakan percaturan politik dalam mengenangkan sesuatu isu tanpa menjelaskan hubungan diplomatik dengan negara berkenaan. Walaupun dalam beberapa hal, kecuali Erbakan terhadap Barat dan Israel agak keras dan boleh membangkitkan sentimen yang kurang baik terhadap dasar politik dan luar Turki secara umum, namun Refah bijak mengatur strategi politiknya bagi memenangi suara majoriti masyarakat Islam. Jika diteliti secara mendalam, kebanyakan kenyataan kontroversi yang dikeluarkan oleh Erbakan adalah ketika beliau melawat negara yang kuat sentimen terhadap Islam atau apabila berhadapan dengan para penyokongnya yang fanatik. Buktinya, di sebalik kenyataan keras tersebut, Turki masih menyokong penuh komitmennya terhadap NATO, penyertaan ke dalam Kesatuan Eropah (EU), mengeratkan hubungan diplomatik bersama Amerika Syarikat, dan menerima jemputan untuk mengadakan lawatan ke Perancis, Jerman dan negara-negara Eropah pada Februari 1996 dan 1997. Oleh itu, dasar luar Erbakan terhadap Eropah dan Barat masih tidak berubah.<sup>97</sup>

Satu perkara lagi yang merupakan isu penting dalam membentuk dasar luar Turki ialah persoalan etnik Kurdi. Tambahan pula, menurut Muhittin Ataman pemberontakan dan kebangkitan puak Kurdi sekitar 1980-an dan 1990-an telah memberi kesan ke atas dasar luar Turki.<sup>98</sup> Sementara itu, Haldun Gulalp pula melihat bahawa sokongan padu

<sup>97</sup> Majlis Keselamatan Negara (*National Security Council*) merupakan badan terpenting dalam menentukan dasar luar negara sebelum ini, dianggotai oleh 5 anggota kanan tentera dan 5 ahli anggota politik terdiri daripada Erbakan, Presiden Suleyman Demirel dan tiga anggota Timbalan Perdana Menteri Tansu Ciller. Erbakan merupakan ahli tunggal pro-Islamis yang menganggotai NSC. Dalam masa yang sama hampir keseluruhan ahli NSC cenderung untuk menyokong dasar pro-Barat. NSC mendakwa tidak mampu mengawal pergerakan Erbakan dari lawatannya yang cenderung kepada mewujudkan jalinan negara Islam. Walaupun begitu, Erbakan memberi jaminan bahawa tradisi dasar luar Turki masih dikekalkan. Lihat Alan Makovsky, "How to Deal with Erbakan", him. 1.

<sup>98</sup> Dasar luar Turki (1923-1925) menjadi isu penting apabila ia dikaitkan dengan pemberontakan etnik minoriti Kurdi atau pemberontakan Sheikh Said yang mengundang campurtangan British dan Perancis. Sekitar 1926-1983 persoalan etnik Kurdi menjadi isu terpencil, lantaran dasar sekularisme Kemal yang menafikan kewujudan identiti etnik kecuali bangsa Turki. Namun persoalan puak Kurdi tetap menjadi perhatian Turki ketika mengadakan hubungan luar dengan Iran dan Iraq. Sementara itu, semasa pemerintahan Turgut Ozal (1983-1993), beliau meletakkan polisi yang lebih sederhana atau tolak ansur terhadap etnik Kurdi dan merapatkan hubungan Turki, Iran dan Syria selepas tamat Perang Teluk

etnik Kurdi terhadap Refah dalam pilihan raya 1995 lalu, turut boleh dikaitkan sebagai simbol kekuatan bagi semangat nasionalisme kaum Kurdi semasa pemerintahan Erbakan.<sup>99</sup> Ini secara tidak langsung mendorongkan perubahan besar berlaku terhadap dasar luar dan dalam Turki bagi membela hak minoriti Kurdi.<sup>100</sup> Walau begitu, kebangkitan Parti Buruh Kurdi (PKK) dan kesannya terhadap keselamatan, kesejahteraan dalam negeri serta wilayah sempadan telah menjadi fokus utama kerajaan Erbakan dalam dialog dan perbincangannya dengan Barat terutamanya Amerika Syarikat dan negara Asia Tengah seperti Iran, Iraq dan Syria.<sup>101</sup> Dalam menghadapi isu etnik Kurdi ini, Turki adakalanya terpaksa berhadapan dengan dilema di antara hubungannya dengan negara-negara Eropah yang memiliki kepentingan ekonomi dan strategi di Turki<sup>102</sup> dan ikatannya dengan negara-negara kecil yang lain yang amat peka terhadap hak asasi kemanusiaan dan demokrasi minoriti Kurdi.<sup>103</sup> Namun, Erbakan cuba mengimbangi keadaan ini dengan baik demi menjaga kesejahteraan dalam negara dan hubungan luarnya, terutama sekali meyakinkan Parlimen Eropah terhadap perlaksanaan hak asasi berhubung polisi ke atas puak Kurdi, yang membolehkan Turki diterima sebagai anggota Kesatuan Eropah (EU).

---

1991. Keterangan lanjut lihat Muhittin Ataman, "The Kurdish Question and Its Impact on Turkey's Foreign Policy: From 1923 to 2000", *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, Vol. XXIV, No. 2, Musim Sejuk 2001, hlm. 33-49; Haldun Gulalp, "Islamism and Kurdish Nationalism: Rival Adversaries of Kemalism in Turkey", di dalam Tamara Sonn (ed.) *Islam and the Question of Minorities*, (Atlanta: G.A. Scholars Press, 1996) hlm. 95.

<sup>99</sup> Haldun Gulalp, "Islamism and Kurdish Nationalism", hlm. 95.

<sup>100</sup> Walaupun isu etnik Kurdi ini dilihat oleh kebanyakan pemerhati dan sarjana Turki sebagai isu dalam Turki, namun ia turut mempengaruhi hubungan luar Turki dengan negara Jiran tetangga, khususnya berhubung masalah etnik ini di persempadanan Iraq, Syria dan Iran serta kebanjiran pelarian Kurdi di Turki selepas era Ozal.

<sup>101</sup> Lihat "Erbakan: "Turco-Iranian Cooperation is Necessary for Peace in the Region", hlm. 1; Muhittin Ataman, "The Kurdish Question and Its Impact on Turkey's Foreign Policy", hlm. 45-47.

<sup>102</sup> Barat cuba mempertahankan kepentingan peribadinya dengan menyokong usaha membendung semangat nasionalisme Kurdi dengan alasan untuk mengawal kesejahteraan wilayah dalam negara dan membanteras keganasan. Lihat Muhittin Ataman, "The Kurdish Question and Its Impact on Turkey's Foreign Policy", hlm. 45-46.

<sup>103</sup> Philip Robins, "More Apparent Than Real? The Impact of the Kurdish Issue on Europe-Turkish Relation", dalam Robert Olson (ed.) *The Kurdish Nationalist Movement In 1990s: Its Impact on Turkey and the Middle East*, (Lexington, KY: University Press of Kentucky, 1996). Muhittin Ataman, "The Kurdish Question and Its Impact on Turkey's Foreign Policy", hlm. 46.

Dasar luar yang digariskan oleh Erbakan adalah jelas iaitu sentiasa menjaga hubungan baik dengan negara-negara luar, khususnya hubungan diplomatik yang lebih erat dengan negara-negara Islam, selagi ia boleh memberi manfaat bersama dalam ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Komitmen kerajaan Erbakan terhadap hubungannya dengan negara Islam membuktikan kesungguhan beliau dalam usaha memartabatkan peradaban masyarakat Islam Turki. Selain itu, kerajaan pimpinan Erbakan agak tegas dalam menjalinkan sebarang ikatan dengan negara yang dianggap anti-Islam, khususnya Israel. Sungguhpun begitu, dasar optimis kerajaan Erbakan terhadap masa depan politik Islam ini, masih tetap mengekalkan dasar tradisi pro-Barat yang menjadi aspek penting dalam polisi keselamatan dan dasar luar Turki.

#### **4.5 Pengharaman Refah Partisi**

Penglibatan Refah Partisi dalam politik dan pemerintahan sememangnya tidak disenangi golongan sekular dan pihak tentera yang juga terkenal sebagai pemelihara sistem sekular Turki. Pelbagai bentuk halangan dilakukan bagi meruntuhkan kerajaan Erbakan. Kesilapan kerajaan pimpinan Refah Partisi sengaja dicari bagi menggambarkan kepada umum kelemahan dan kepincangan pentadbiran Erbakan. Sebagai contoh, pihak tentera mengkritik tindakan Refah dalam projek pembinaan Masjid Taksim di Istanbul, iaitu kawasan kediaman kumpulan elit, yang dikatakan lebih mementingkan soal pembinaan budaya daripada tumpuan terhadap permasalahan sosio-ekonomi negara.<sup>104</sup>

Beberapa usaha juga dilakukan bagi menyekat pengaruh Refah di kalangan masyarakat termasuklah mengheret Refah Partisi ke muka keadilan dengan mengatur beberapa prosiding perundangan bertujuan menafikan hak Refah untuk membentuk

---

<sup>104</sup> Haldun Gulalp, "Political Islam in Turkey", hlm. 38.

kerajaan dan seterusnya menamatkan penglibatan aktivis dan aktiviti politik parti tersebut dari dunia politik Turki. Refah Partisi didakwa cuba menggugat sistem sekular yang diasaskan oleh Mustafa Kemal Ataturk, Bapa Pembangunan Turki Moden. Kecenderungan Refah untuk melaksanakan sistem pemerintahan Islam di Turki dirasakan satu ancaman besar terhadap sistem sekular; iaitu sistem yang diyakini terbaik dalam memartabatkan peradaban bangsa Turki moden, sejak berakhirnya era pemerintahan Islam dengan kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di Anatolia.

Perlaksanaan syariah dalam masyarakat yang dilakukan oleh Refah menerusi tindakan menghadkan penjualan arak di permis perniagaan dan pusat hiburan, kebenaran pemakaian tudung kepala bagi pelajar universiti dan wanita bekerja, penekanan pendidikan agama di institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi serta beberapa polisi dalam dan luar negara, turut meningkatkan kegusaran pihak berkuasa sekular terhadap cita-cita mendirikan kerajaan Islam di bumi Turki. Tindakan paling mengejutkan, apabila ucapan Erbakan dalam perhimpunan yang diadakan di Sincan Ankara, yang menyokong perjuangan rakyat Palestin,<sup>105</sup> dan menyahut saranan kerajaan Iran mengimplementasi syariah dalam pemerintahan, telah mengundang campurtangan dan tekanan ketenteraan ke atas pentadbiran kerajaan.<sup>106</sup>

Sebagai reaksi terhadap perubahan tersebut, pihak tentera telah mengguna kuasa veto di tangan mereka dengan mengeluarkan 18 tuntutan ke atas kerajaan Erbakan dalam rangka menyekat agenda kumpulan Islamis ke atas pemerintahan sekular negara tersebut, pada musim bunga 1997. Tuntutan yang dibuat, antara lain mengarahkan agar sekolah-sekolah agama atau lebih dikenali sebagai madrasah Imam Hatip, yang menjadi landasan asas bagi melatih kader-kader kumpulan pro-Islam, ditutup. Pada masa yang sama, pihak

<sup>105</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Gerakan Islam dengan Demokrasi", him. 13.

<sup>106</sup> John L. Esposito, "Islam and Secularism in the Twenty-First Century", him. 6.

tentera mengarahkan agar pendidikan sekular wajib dilanjutkan daripada lima ke lapan tahun. Pemakaian tudung dan pakaian secara Islam juga diperketatkan selain menghalang kemasukan kumpulan Islamis ke dalam angkatan tentera dan pentadbiran kerajaan.<sup>107</sup>

Kerajaan Erbakan dan Refah Partisi terpaksa berhadapan dengan tekanan yang amat berat apabila bantahan daripada Ketua Pendakwaraya Turki dikemukakan ke Mahkamah Perlembagaan bagi mengharamkan Refah Partisi, yang didakwa mengancam prinsip undang-undang sekular Perlembagaan Turki pada 21 Mei 1997.<sup>108</sup> Pakatan kerajaan campuran Erbakan-Tansu Ciller turut menerima tamparan hebat akibat perletakan jawatan sebilangan anggota Parlimen parti DYP pimpinan Ciller. Tindakan tersebut bukan sahaja menghilangkan kuasa majoriti Refah ke atas parlimen, malah keadaan ini turut menandakan berakhirnya episod pemerintahan kerajaan campuran Refah-DYP, sejak ia dibentuk pada 8 Jun 1996. Desakan yang begitu kuat telah memaksa Erbakan meletakkan jawatan pada 18 Jun 1997.<sup>109</sup>

Walaupun begitu, Erbakan dalam kenyataan pembelaan terhadap arahan pengharaman Refah Partisi turut mempersoalkan tindakan tersebut yang nyata bertentangan dengan dasar demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan individu dalam konteks politik dan perundangan Turki serta dunia kini.<sup>110</sup> Sambil menyokong hujah yang dikemukakan, beliau menegaskan bahawa takrifan sekularisme secara ilmiah dan perlembagaan yang diberikan oleh pihak pendakwa, tidak menepati konsep sebenar

---

<sup>107</sup> Ibid., hlm. 6.

<sup>108</sup> "Opinion on the Fund of the Office of Chief Prosecutor of The Constitutional Court of Appeal of The Republic", *Office of The Chief Prosecutor of The Republic*, 21 Mei 1997, No. SP. 13 Hz. 1997/109, hlm. 1-46, <http://www.rp.org.tr/ingilizce/muteala-ing.html>.

<sup>109</sup> John L. Esposito, "Islam and Secularism in the Twenty-First Century", hlm. 8.

<sup>110</sup> Necmettin Erbakan, "Advance Defence of Welfare Party to The Office of The Constitutional Court", 20 Januari 1998, hlm. 7-131, <http://www.rp.org.tr/ingilizce/sayunma-on-ing.htm>.

sekularisme.<sup>111</sup> Walau apapun hujahan yang diberikan, namun keputusan pengadilan kekal memihak kepada pihak pendakwa raya. Akhirnya, pemimpin dan penyokong Refah terpaksa menerima kenyataan penutupan parti tersebut, apabila arahan pengharaman Refah Partisi telah dikeluarkan oleh Mahkamah Perlembagaan Turki pada 28 Februari, 1998.<sup>112</sup> Manakala Necmettin Erbakan, selaku Presiden Refah Partisi, Sevket Kazan dan Ahmet Tekdal masing-masing sebagai ahli parlimen dan Timbalan Presiden Refah telah diharamkan terlibat dalam sebarang aktiviti politik sepanjang tempoh lima tahun.<sup>113</sup>

#### 4.6 Kesimpulan

Politik Islam Turki tidak sunyi daripada menerima cabaran dan kritikan hebat daripada golongan pemelihara tradisi sekular yang sentiasa bimbang terhadap apa juga bentuk kebangkitan yang mengancam prinsip yang dipegang selama ini. Namun, walau apapun halangan mendatang, Refah Partisi dan kerajaan Erbakan telah membuktikan kemampuannya menerajui kepimpinan negara, walaupun diberi peluang dalam tempoh yang amat terbatas. Kerajaan Erbakan telah menunjukkan pencapaian yang amat mengagumkan dalam menyelesaikan beberapa masalah asas masyarakat. Dasar proaktif terhadap pemulihan ekonomi negara turut menyumbang aliran pendapatan dalam negeri yang menggalakan.

<sup>111</sup> Takrifan sekularisme oleh Prof. Niyazi Berkes dalam bukunya "*Teokrasi ve Laiklik*", hlm. 5, 6 merujuk bahawa "secularism in fact, is not a religious, but a legal concept". Dalam kenyataan lain, Erbakan turut mengulas konsep sebenar sekularisme yang disimpulkan oleh Berkes sebagai "The prior principle is to protect the freedom of belief of individuals. This is the real meaning of secularism" di halaman 25 dalam buku yang sama. Rujuk, "Advance Defence of Welfare Party to The Office of The Constitutional Court", hlm. 7-131. Niyazi Berkes, "*The Development of Secularism in Turkey*" (Montreal: McGill University Press, 1964) hlm. 481-483.

<sup>112</sup> John L. Esposito, "Islam and Secularism in the Twenty-First Century", hlm. 8. Lihat juga Bulent Aliriza, "Turkey After Welfare" *Center for Strategic & International Studies*, Mac 1998, hlm. 1. <http://www.csis.org/turkey/TU9803.htm>.

<sup>113</sup> "Judgement in the Case of Refah Partisi (The Welfare Party) Erbakan, Kazan and Tekdal v. Turkey", 31 Julai 2001, hlm. 1, <http://www.echr.coe.int/Eng/Press/2001/July/RefahPartisi2001jude.htm>.

Walaupun kedudukan ekonomi negara tidak berupaya dipulihkan sepenuhnya, namun kegiatan ekonomi berjalan lancar dan masih dalam keadaan terkawal, berikutan perlaksanaan pembangunan ekonomi yang kondusif oleh kerajaan Erbakan menerusi strategi perangkaan belanjawan 1997. Sikap tolak ansur Erbakan dalam melaksanakan dasar dalam dan luar negara turut memperlihatkan keterbukaan dan kematangan beliau mentadbir negara, walaupun kadang-kala terpaksa berhadapan dengan karenah birokrasi pentadbir dan pemerintah tentera yang amat fanatik memperjuangkan dasar sekular. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa golongan yang mendukung aspirasi politik Islam mampu menerajui pemerintahan dan pentadbiran negara setelah amanah yang diberikan oleh rakyat dipikul dengan baik, jujur dan penuh rasa tanggungjawab.

Penutupan Refah Partisi dan berakhirnya kerajaan campuran Erbakan-Ciller merupakan kenyataan yang amat pahit bagi politik Islam di Turki. Namun begitu, ia bukan noktah kepada segala matlamat yang diperjuangkan selama ini. Berpandukan kepada pengalaman ini, episod pemikiran politik yang berteraskan peradaban Islam seterusnya, telah menyerlahkan lagi kematangan mereka dalam politik serta memahami kehendak popular masyarakat, di samping mengambil sikap yang lebih berhati-hati dalam menentukan kesinambungan masa depan peradaban Islam dalam dunia politik Turki yang serba mencabar.